

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

6. Nyatakan terdapat berapa ladang ternakan udang berlesen di Pulau Pinang, khususnya KADUN Bukit Tengah.
 - (a) Apakah syarat-syarat kerajaan yang dikenakan untuk memastikan penternak udang tidak akan merosakkan alam sekitar?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Setakat hari ini, Kerajaan Negeri khususnya Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai punca kuasa bagi mengawal aktiviti ternakan akuakultur di daratan memandangkan aktiviti ternakan mereka hanya didaftarkan secara pentadbiran dan tidak dilesenkan. Jabatan Perikanan sedang dalam peringkat penyediaan deraf Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) untuk dikuatkuasakan di negeri ini. Selepas penguatkuasaan kaedah-kaedah ini, semua aktiviti akuakultur di daratan akan dilesenkan dan diwajibkan untuk mematuhi kriteria dan garis panduan ternakan yang ditetapkan. Buat masa ini, terdapat 37 ladang ternakan udang laut yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak enam (6) ladang terletak di KADUN Bukit Tengah.

Memandangkan kesemua ladang ini hanya berdaftar secara pentadbiran dengan Jabatan Perikanan, tiada syarat dikenakan terhadap penternak udang untuk memastikan penternakan udang tersebut tidak akan menjejaskan alam sekitar. Walau bagaimanapun Jabatan Perikanan telah memperkenalkan dan mempersijilkan mana-mana kolam ternakan yang dapat

mematuhi garis panduan dan amalan akuakultur baik. Antara garis panduan dan syarat yang terdapat di dalam amalan akuakultur baik adalah mewajibkan setiap ladang mempunyai kolam rawatan bagi mencegah pencemaran dan perebakan penyakit.

Setakat kini, sebanyak satu (1) ladang yang mempunyai sijil *Malaysia Good Aquaculture Practise* (myGAP) berada di KADUN Bukit Tengah iaitu kolam udang Eko Aquaculture.

Bagi ladang yang mempunyai sijil myGAP, penternak diwajibkan menjalankan akuakultur yang mesra alam dan penduduk di sekitar. Antara syarat yang dikenakan Jabatan Perikanan adalah seperti berikut:

- (i) Dilarang membuang air ternakan tanpa dirawat;
- (ii) Kolam ternakan mesti memelihara kawasan bakau; dan

Pemilik ladang mesti menjaga hubungan baik dengan komuniti di sekitar ladang. Sebarang aduan penduduk akan diambil perhatian oleh Jabatan Perikanan.